



## KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

### SIARAN MEDIA

---

#### **13 AHLI PARLIMEN DILANTIK SEBAGAI FRIENDS OF MINISTRY (KESUMA) BAGI MEMPERKUKUH KERJASAMA PARLIMEN DAN AGENDA PEKERJA**

---

**PUTRAJAYA, 30 Julai 2025** – Seramai 13 orang Ahli Parlimen daripada parti-parti di dalam Kerajaan MADANI telah dilantik sebagai Friends of Ministry Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) di bawah inisiatif Friends of Ministry (FOM) yang diperkenalkan oleh Kelab Penyokong Kerajaan Madani (Backbenchers Club – BBC).

Pelantikan ini merupakan satu lagi langkah strategik bagi memperkasa hubungan antara Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) dan Ahli-Ahli Parlimen Kerajaan, di samping memastikan dasar serta inisiatif kementerian dapat disampaikan dengan lebih berkesan kepada masyarakat di peringkat akar umbi. Ahli-Ahli Parlimen yang dilantik ini akan menerima akses kepada bahan penyelidikan, taklimat dasar, serta sesi libat urus berkala bagi memperkukuh peranan mereka semasa sesi Pertanyaan Lisan dan perbahasan di Dewan Rakyat, selain mempertingkatkan keterlibatan bersama masyarakat.

Melalui kerjasama ini, Friends of KESUMA akan memainkan peranan strategik kementerian dalam memberi pandangan, menyumbang idea dan cadangan kepada KESUMA; memperjuangkan dasar, Rang Undang-Undang dan usul berkaitan yang dikemukakan oleh KESUMA; serta membantu membina naratif positif berhubung agenda reformasi pasaran buruh dan menyampaikan maklumat kepada rakyat.

Semasa majlis pelantikan ini juga, Friends of KESUMA turut diberikan penerangan terperinci berhubung misi strategik 3K (Kebajikan, Kemahiran, dan Keberhasilan pekerja) KESUMA dengan prinsip karamah insaniah atau maruah insan menjadi asas utama kepada keseluruhan usaha reformasi pasaran buruh dengan tekad dan keperluan untuk mengangkat martabat pekerja di Malaysia.

Beberapa keutamaan perundangan yang sedang digerakkan turut dikongsikan kepada Friends of KESUMA, antaranya:

- Rang Undang-Undang Pekerja Gig yang dijadual untuk bacaan pertama pada 14 Ogos 2025;
- Pelan pindaan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) bagi memperluas perlindungan sosial 24 jam kepada para pekerja;
- Pelan pindaan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800) bagi menambah faedah kepada pekerja yang hilang kerja, termasuk elaun kembali bekerja awal, latihan semula, dan pemindahan lokasi untuk pekerjaan baharu.
- Pelan pindaan Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 (Akta 652) untuk menaikkan tahap Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) daripada tahap 1–5 kepada tahap 6–8
- Pelan pindaan Akta Tabung Pembangunan Kemahiran 2004 (Akta 640) bagi membolehkan rakyat Malaysia yang mengikuti kursus anjuran badan profesional dan bertauliah untuk mendapat akses pembiayaan melalui PTPK.

Pengerusi Kelab Penyokong Kerajaan MADANI (BBC), YB Dato' Indera Mohd Shahar Abdullah menyatakan bahawa pelantikan Friends of KESUMA akan menjadi tonggak penting dalam perbahasan kementerian di Parlimen, memantapkan kredibiliti dan keberkesanan dasar KESUMA melalui kerjasama strategik dengan Ahli Parlimen. Beliau turut menegaskan bahawa penyertaan aktif daripada semua parti komponen Kerajaan MADANI adalah penting untuk memastikan perbahasan dasar dan undang-undang mencerminkan keharmonian dan kekuatan bersama.

Ahli-Ahli Parlimen berikut telah dilantik sebagai Friends of KESUMA:

- 1) YB Dato Indera Mohd Shahar bin Abdullah  
Ahli Parlimen Paya besar dan Ketua Penyokong Kerajaan MADANI

- 2) YB Tuan Mordi Anak Bimol  
Ahli Parlimen Mas Gading
- 3) YB Dr. Kelvin Yii Lee Wuen  
Ahli Parlimen Bandar Kuching
- 4) YB Tuan Chong Chieng Jen  
Ahli Parlimen Stampin
- 5) YB Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh  
Ahli Parlimen Bukit Gelugor
- 6) YB Tuan V. Sivakumar a/l Varatharaju Naidu  
Ahli Parlimen Batu Gajah
- 7) YB Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik  
Ahli Parlimen Balik Pulau
- 8) YB Tuan Prabakaran a/l M Parameswaran  
Ahli Parlimen Batu
- 9) YB Dato Haji Shamsulkahar bin Mohd Del  
Ahli Parlimen Jempol
- 10) YB Datuk Seri Saravanan a/l Murugan  
Ahli Parlimen Tapah
- 11) YB Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi  
Ahli Parlimen Igan
- 12) YB Puan Wong Shu Qi  
Ahli Parlimen Kluang
- 13) YB Puan Syerleena Binti Abdul Rashid  
Ahli Parlimen Bukit Bendera

**MENTERI SUMBER MANUSIA**  
**30 Julai 2025**

**LAMPIRAN****LATAR BELAKANG KESUMA**

Kementerian Sumber Manusia atau singkatannya KESUMA adalah kementerian yang bertanggungjawab kepada pembangunan kemahiran, pekerjaan, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, kesatuan sekerja, perhubungan perusahaaan, maklumat dan analisis pasaran buruh dan keselamatan sosial.

**PERANAN & TANGGUNGJAWAB KESUMA**

Membangunkan dan melahirkan modal insan yang kompeten, produktif, responsif dan berdaya tahan dalam pasaran buruh negara ke arah meningkatkan produktiviti negara. Memastikan kelancaran operasi pasaran buruh negara. Meningkatkan kebolehpekerjaan dan penggajian tenaga kerja tempatan bagi memenuhi keperluan pasaran kerja negara. Memastikan perhubungan perusahaan yang harmoni dan kondusif. Mengutamakan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Memastikan jaringan keselamatan sosial yang komprehensif, dinamik dan progresif.

**JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KESUMA**

| <b>JABATAN</b>                                     |
|----------------------------------------------------|
| Jabatan Tenaga Manusia (JTM)                       |
| Mahkamah Perusahaan Malaysia (MPM)                 |
| Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)                |
| Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) |
| Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM)  |
| Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM)     |
| Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS)         |
| Jabatan Tenaga Kerja Sabah                         |
| Jabatan Tenaga Kerja Sarawak                       |

| <b>AGENSI</b>                                               |
|-------------------------------------------------------------|
| Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)                     |
| Institut Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) |
| Human Resources Development Corporation (HRDC)              |
| Talent Corporation Malaysia Berhad (TALENTCORP)             |
| Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)              |